

Peraturan Pemarkahan Bahagian B

SOALAN 1

Setiap pelajar diwajibkan menyertai sekurang-kurangnya satu sukan melalui pelaksanaan dan 1 Murid 1 Sukan.

Jelaskan faedah-faedah yang akan diperolehi dengan menyertai aktiviti sukan.

DIMENSI : DIRI

SKOP : Sukan Seantero Dunia (Unit 10 Ting. 5)

a. Format : tiada

b. Diharapkan calon dapat:

Mengemukakan faedah-faedah yang akan diperolehi dengan menyertai aktiviti sukan.

c. Kemungkinan:

- i. Calon mengemukakan faedah-faedah bersukan yang merujuk kepada diri sendiri sahaja - diterima dan diperiksa seperti biasa
- ii. Calon mengemukakan faedah-faedah menyertai aktiviti sukan peringkat negeri, kebangsaan atau antarabangsa - diterima dan diperiksa seperti biasa

d. Isi cadangan:

- i. dapat menyihatkan tubuh badan mencerdaskan otak
- ii. mengeratkan silaturahim dengan rakan sebaya dan guru
- iii. mendalami ilmu sains sukan
- iv. membentuk disiplin diri
- v. memupuk perpaduan kaum dalam kalangan pelajar berbilang bangsa
- vi. mengharumkan nama sekolah hingga ke peringkat tertinggi

SOALAN 2

Anda telah mewakili sekolah anda dalam satu pertandingan pidato peringkat daerah. Tajuk pidato anda ialah 'Tanggungjawab Ibu Bapa Memupuk Semangat Patriotik dalam Jiwa Anak-anak'.

Tuliskan teks pidato itu selengkapnya.

DIMENSI : KELUARGA

SKOP : Ambang Remaja (Unit 2 Ting. 4)

a. Format : Pidato

Markah ditolak jika tiada;

Kata alu-aluan	- 1 markah
Definisi/huraian tajuk	- 1 markah
Kata penghadapan	- 1 markah
Penutup pidato	- 1 markah

(maksimum -2m)

b. Diharapkan calon dapat:

Mengemukakan peranan/tanggungjawab ibu bapa untuk memupuk semangat patriotik dalam jiwa anak-anak.

c. Kemungkinan:

i. Calon mencampuradukkan peranan ibu bapa dan pihak-pihak lain (sekolah, media, masyarakat dan keluarga) - diterima **Baik Atas** (58 – 65)

ii. Calon mengemukakan peranan pihak lain (sekolah, media, masyarakat dan keluarga) - diterima **Memuaskan** (markah 36-50).

d. Isi cadangan:

- i. menjelaskan kepada anak-anak peri pentingnya semangat patriotik.
- ii. membawa anak-anak melawat tempat-tempat bersejarah.
- iii. menyediakan buku-buku/bahan bacaan/visual yang berkaitan sejarah kenegaraan.
- iv. menceritakan jasa/pengalaman tokoh-tokoh pemimpin/pejuang kemerdekaan.
- v. menggalakkan anak-anak menyertai aktiviti-aktiviti bertemakan semangat patriotik.

SOALAN 3

Semangat kejiranan yang semakin luntur telah menyebabkan timbulnya berbagai-bagai masalah dalam masyarakat.

Huraikan faktor-faktor lunturnya semangat kejiranan dan cara-cara mengatasinya.

DIMENSI : **MASYARAKAT**

SKOP : **Senario Masyarakat Kita (Unit 1 Tingkatan 4)**

- a. Format : Tiada
- b. Diharapkan calon dapat :

Membincangkan faktor-faktor yang menyebabkan semangat kejiranan semakin luntur dan cara-cara mengatasinya.

- c. Kemungkinan :
 - i. Calon membincangkan faktor-faktor sahaja tanpa membincangkan cara-cara mengatasinya atau sebaliknya – (satu aspek sahaja) diterima **Baik Atas (58-65)**
- d. Isi cadangan :

Faktor-faktor lunturnya semangat kejiranan :

- i. Perubahan pola / gaya hidup / kesibukan kerjaya
- ii. Kemajuan dalam bidang teknologi
- iii. Kurang kesedaran dalam kalangan anggota masyarakat tentang kepentingan hidup berjiran / masyarakat bersifat individualistik
- iv. Jurang status sosioekonomi
- v. Semangat perkauman yang masih menebal

Cara-cara Mengatasi :

- i. Peranan ibu bapa :
 - Menyuburkan amalan kejiranan dalam kalangan anak-anak sejak kecil.
 - Membawa / menggalakkan anak-anak menyertai aktiviti kejiranan seperti aktiviti gotong-royong, kenduri-kendara.
- ii. Peranan anggota masyarakat :
 - menganjurkan lebih banyak aktiviti kemasyarakatan di peringkat kawasan kediaman – Rukun Tetangga, Sistem Rondaan Sukarela, Rakan COPS
 - mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan bermasyarakat : contoh tolong-menolong, budaya saling menziarahi.
- iii. Peranan kerajaan :
 - memperbanyak penganjuran program kemasyarakatan peringkat kebangsaan seperti majlis rumah terbuka.

- vii. Mengalakkan kerjasama dengan artis dan penggiat seni antarabangsa

Kesan Negatif

- i. Melunturkan budaya bangsa.
- ii. Menjadikan masyarakat lalai dan suka membuang masa.
- iii. Meningkatkan gejala hedonisme dalam kalangan remaja.
- iv. Meningkatkan gejala sosial dalam kalangan remaja
- v. Membawa unsur negatif seperti penyalahgunaan dadah, alkohol,

Soalan 5

DIMENSI KOMSAS

SKOP : Generasi Kita (Unit 7 Tingkatan 4)

Dengan apakah akan kaupenuhi
piala remajamu
adakah cuka kesangsian
dari cinta murah
atau madu ajaran
dari ilmu susah?

Petikan sajak 'Harga Remaja' di atas mengetengahkan persoalan tentang pengisian kehidupan remaja.

Berikan pendapat anda tentang cara-cara memanfaatkan usia remaja.

- a. Format : Tiada
- b. Diharapkan calon dapat:
memberi pendapat tentang cara-cara memanfaatkan usia remaja.
- c. Kemungkinan:
 - i. Calon membincangkan masalah/kesan/cabaran yang dihadapi oleh remaja – diterima **Memuaskan** (36-50)
 - ii. Calon mencampuradukkan cara-cara memanfaatkan usia remaja dan cabaran/kesan yang dihadapi – diterima **Baik Atas** (58-65)
 - iii.

d. Isi cadangan:

- i. Mengisi masa lapang dengan perkara berfaedah – program motivasi.
- ii. Mengelakkan diri daripada terjebak dengan gejala sosial.
- iii. Melengkapkan diri dengan pengetahuan agama.
- iv. Memantapkan diri sebagai seorang pelajar.
- v. Menambahkan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang.
- vi. Bersefia memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara.
- vii. Melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran – kemahiran komunikasi kemahiran insaniah,